

500 pelajar, kakitangan sekolah terperangkap

➔ Laluan masuk SMK Pitas 2 terputus sejak Sabtu lalu

Oleh Mohd Izham Unnip Abdullah dan Syaherah Mustafa
bhnews@bh.com.my

■ Pitas

Hampir 500 pelajar, guru dan kakitangan Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Pitas 2, di sini, terperangkap selepas laluan masuk ke sekolah berkenaan terputus akibat banjir, sejak Sabtu lalu.

Ia membabitkan 268 pelajar perempuan dan 178 pelajar lelaki yang tinggal di asrama, 20 warden asrama dan 17 guru.

Masalah itu berpunca daripada jalan menghubungkan sekolah dengan laluan utama ke pekan Pitas ditenggelami air sedalam 0.5 meter hingga 1.5 meter dengan jarak hampir satu kilometer.

Kawasan sekolah turut dinaiki air dengan sebahagian kelas di tingkat bawah ditenggelami hingga 0.5 meter.

Bantuan makanan dan minuman untuk keperluan pelajar dan guru yang tinggal di kuarters sekolah terpaksa dihantar menggunakan bot Angkatan Pertahanan Malaysia (APM) dan penduduk kampung.

Sekolah ditutup

Pengetuannya, Abdul Hamid Ahmad, berkata keadaan itu memaksa penutupan sekolah mulai se-

malam sehingga keadaan banjir pulih sepenuhnya.

"Pelajar dan guru yang berada di sekolah tidak dapat keluar sejak air naik Sabtu lalu. Ini kali ketiga keadaan ini berlaku dalam bulan ini," katanya.

Pengalaman pertama

Guru sekolah itu, Mohd Farazi Abdul Razak, 33, berkata ia pengalaman pertamanya berdepan ban-

jir sepanjang tempoh empat tahun mengajar di sini.

"Saya terpaksa berulang alik meredah banjir, termasuk mendapatkan bantuan APM dan penduduk untuk masuk ke kawasan sekolah bagi membawa bekalan makanan pelajar dan guru.

"Paling penting adalah memastikan bekalan air bersih mencukupi kerana tiada air paip di sekolah ini," katanya.

Najib mahu mangsa dibantu

Kuala Lumpur: Datuk Seri Najib Razak menyuarakan kebimbangan mengenai gelombang baharu banjir di beberapa kawasan di Pantai Timur memabitkan jumlah mangsa yang ramai.

Sehubungan itu, Perdana Menteri meminta semua agensi kerajaan bersedia menyalurkan sebarang bentuk bantuan yang diperlukan kepada mangsa banjir.

"Kita harus pastikan bantuan, sama ada dari segi pemindahan

dan penempatan sementara mahupun berkaitan urusan pemuliharaan pascabanjir sampai kepada semua yang memerlukan," katanya menerusi entri terbaru di laman sosial rasmi Perdana Menteri, semalam.

[FOTO SYAMSI SUHAIMI/BH]



Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Datuk Ahmad Jazlan Yaakob (dua dari kiri) menyampaikan bantuan kepada penduduk di Kampung Seberang Lating, Kedai Mulong, Kota Bharu, semalam.



Sekolah Menengah Kebangsaan Pitas II ditutup kerana ditenggelami air banjir yang melanda daerah Pitas, semalam.



Di **Rantau Panjang**, pasukan Bomba dan Penyelamat Rantau Panjang membantu membawa jenazah menggunakan bot akibat banjir melanda Kampung Seronga, Repek, di sini, semalam.

Jenazah, Jusoh Ngah, terpaksa dibawa dengan bot kerana rumahnya dinaiki air mencecah 1.5 meter.

Jusoh, meninggal dunia pada usia 78 tahun akibat sakit tua, kira-kira jam 4 petang kelmarin.

Guna bot bawa jenazah

Ketua Balai Bomba Rantau Panjang, Mohd Adni Ibrahim, berkata pihaknya menerima panggilan jam 6 petang dan sampai di rumah mangsa 35 minit kemudian.

"Kami terpaksa menggunakan kenderaan pacuan empat roda dan bot. Jenazah dibawa melalui Sungai Lubok Jong dan mengambil masa selama 10 minit sebelum diangkat menaiki trak polis untuk ke Tanah Perkuburan Tok Sangkut," katanya.

Di **Kota Bharu**, BERNAMA melaporkan Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) menjangkakan gangguan perkhidmatan tren Intercity di laluan Pantai Timur yang berlaku sejak kelmarin akan pulih semula, Jumaat ini.

Unit Komunikasi Korporat KTMB berkata, gangguan itu berikutan hujan lebat berterusan yang menyebabkan struktur landasan terjejas dan tidak dapat dilalui di Kilometer 392.5 antara Bukit Abu-Dabong, Kuala Krai pada jam 9.30 malam, Sabtu lalu.

"Oleh itu semua perkhidmatan tren antara laluan Dabong-Kuala Krai-Dabong digantung sementara bermula semalam (kelmarin).

"Semua perkhidmatan tren 'shuttle' hanya akan beroperasi antara Kuala Lipis-Dabong dan Kuala Krai-Tumpat. Kerja membaik pulih landasan sedang giat dijalankan," kata KTMB dalam satu kenyataan.

Fakta nombor

3,444 MANGSA
di Kelantan

175 MANGSA
di Terengganu

824 MANGSA
di Sabah